

Headline	Fokus, Mimos kerjasama kaji IMS	Language	MALAY
Date	28. Mar 2009	Page No	22
Media Title	Berita Harian	Article Size	84 cm2
Section	Ekonomi	Frequency	Daily
Circulation	192917	Color	Full Color
Readership	1521000	AdValue	1792.64



Fokus, Mimos kerjasama kaji IMS

INSTITUT Sistem Komunikasi Terbuka Fraunhofer (Fokus) dan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) semalam memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama kajian serta pembangunan dalam Sub-sistem Multimedia IP (IMS).

Menerusi MoU itu, Mimos akan bekerjasama rapat dengan Fokus membina dan meningkatkan keupayaan IMS bagi kegunaan rakyat Malaysia serta merangsang aplikasi IMS tempatan untuk mengembangkan lapangan kepakaran, kata Fokus dan Mimos dalam kenyataan bersama, semalam.

IMS adalah kerangka gaya seni reka yang mewujudkan perkhidmatan multimedia Protokol Internet (IP), seperti Protokol Suara Melalui Internet (VoIP) bagi membolehkan dilakukan pertukaran sesama rangkaian.

Ia juga membolehkan pertembungan rangkaian tetap, mudah alih dan Internet.

Ketua Kluster Komunikasi Wayarles Mimos, Dr Mazlan Abbas, berkata dengan IMS, pengguna boleh memulakan VoIP di rumah dengan penyambungan ke WiFi, kemudian menukarnya secara tanpa sempadan kepada WIMAX ketika memandu ke pejabat.

"Selepas itu menukarnya kepada komputer atas meja dan menaik tarafnya kepada panggilan video di skrin Paparan Kristal Cecair (LCD)," katanya.

Fokus juga akan bertindak sebagai salah satu penasihat Mimos dalam memacu dan membantu pelaksanaan aplikasi IMS serta pembangunan kandungan menerusi pengwujudan CoE dalam makmal OpenFMS Mimos.